

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
[KANGAR - BN]**

SOALAN NO.327

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah bentuk sokongan serta bantuan kepada pihak Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam memastikan keseimbangan pembangunan kemudahan sukan dan penyelenggaraannya khususnya di Perlis.

SULIT**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sentiasa bekerjasama dengan baik bersama kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan dalam pembangunan kemudahan sukan dan penyelenggaraan. Sebagai contoh, Kementerian telah membantu Kerajaan Perlis dalam pembangunan kemudahan sukan bagi Sukan Malaysia (SUKMA) Perlis 2014 yang lalu.
2. Kementerian juga amat mengalui-alukan sokongan kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan dalam memaksimakan penggunaan dan menyelenggara kemudahan-kemudahan sukan tersebut untuk manfaat rakyat tempatan.

Sekian, terima kasih.